



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

JURUFOTO GRED B5

1. **Kumpulan Perkhidmatan :** Pelaksana
2. **Taraf Jawatan :** Kontrak
3. **Jumlah Kekosongan :** 1
4. **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,650.00	RM6,620.00	RM145.00

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM160.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 300.00

6. **Syarat Lantikan**

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
- iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
- iv) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau
- v) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

7. Deskripsi Tugas:

- i) Bertanggungjawab membuat liputan fotografi dan videografi bagi aktiviti pelancongan, acara rasmi serta suasana di sekitar Melaka River Cruise untuk tujuan promosi dan dokumentasi.
- ii) Menyunting gambar dan video, menyediakan kapsyen serta mengurus penyimpanan bahan visual bagi memastikan kandungan berkualiti dan sesuai digunakan untuk media sosial serta bahan pemasaran.
- iii) Memastikan peralatan fotografi sentiasa dalam keadaan baik, mematuhi aspek keselamatan semasa bertugas serta

melaksanakan tugas lain yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa.

8. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.
9. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**
Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

10. **Peraturan Memohon**

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.
- b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat **www.ppspm.gov.my**
- c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,
DATARAN PENGKALAN RAMA,
PENGKALAN RAMA PANTAI
75100 MELAKA
(Permohonan Jawatan)**

11. **Peraturan-Peraturan Lain**

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.
- c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak